I will hold Your people in my heart.*

**2** I, the Lord of snow and rain,  
I have borne My people’s pain.  
I have wept for love of them, they turn away.  
I will break their hearts of stone,  
Give them hearts for love alone.  
I will speak My word to them  
Whom shall I send?

**3** I, the Lord of wind and flame  
I will tend the poor and lame.  
I will set a feast for them,  
My hand will save.  
Finest bread I will provide,  
Till their hearts be satisfied.  
I will give My life to them,  
Whom shall I send?

Link: <https://youtu.be/Ngoit0sRTWY>

**AN EXERCISE IN PRAYING WITHOUT CEASING**

Create your own daily timetable to intercede faithfully throughout each week. Build yourself into a rhythmic discipline to persevere in prayer. See if the Lord will not honour your faithful commitment!

**A SUGGESTED DAILY TIME TABLE FOR INTERCESSION**

	Monday	Tuesday	Wednesday	Thursday	Friday	Saturday
Morning	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic
Noon	Church Lost	Church Lost	Church Lost	Church Lost	Church Lost	Church Lost
Evening	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice
Night	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations

# PANDUAN DOA MINGGUAN



## Tuhan Yang Maha Kuasa Menyertai Kita

*“Bangsa-bangsa mengganas, kerajaan-kerajaan bergoncang; Allah berfirman, lalu bumi pun lebur. Tuhan Yang Maha Kuasa menyertai kita; Allah Yakub tempat kita berlindung. Marilah, lihat perbuatan Tuhan, yang telah membawa kemusnahan kepada bumi. Dia menghentikan perang di serata bumi; Dia mematahkan busur dan lembing, Dia membakar pedati dalam api menyala.” – Mazmur 46:6-9 <sup>AVB</sup>*

Gelombang Covid-19 tetap melandai seluruh dunia, dan tiada pun sebuah negara yang tidak terkesan. Kita telah menyaksikan bagaimana kuasa alam maut didedahkan dalam bentuk kemerosotan masyarakat dan tamadun.

Krisis kesihatan mental amat ketara sekarang, dengan peningkatan kes-kes kemurungan, bunuh diri, keganasan rumahtangga, ketagihan dadah, sikap kebencian, dan ketidakharmonian kaum. Golongan belia berada dalam kalangan risiko tinggi kerana mereka terpaksa berkurung di dalam rumah.

Dengan ketakutan dan keresahan semakin berleluasa, kita mesti tetap dalam doa dan terus percaya pada Putera Damai, menyeru kepada-Nya untuk memenuhi kita dengan kesejahteraan-Nya, kerana Dia merupakan penyelesaian di dalam dunia yang memerlukan kedamaian dan harapan.

Sekarang merupakan waktu yang tepat di mana Injil diperlukan. Kita mesti **tingkatkan usaha** dalam hal memberitakan Injil kepada dunia yang telah hilang segala harapan. Marilah kita berdoa agar kita diberi keberanian dan kebijaksanaan supaya **melangkah** dalam iman untuk membawa penghiburan dan sukacita kepada yang sesat, kerana Tuhan yang Maha Kuasa menyertai kita. Marilah kita tekun berdoa dan berharap pada Roh Kudus untuk **campur tangan** dan membanjiri gereja-Nya dengan kebangkitan rohani sekali lagi, supaya sebuah transformasi besar akan berlaku di dalam negara ini, dan semua orang akan akur pada-Nya dalam pertaubatan dan iman.

Walaupun pandemik Covid-19 tetap menjadi tumpuan doa kita, marilah kita terus menyembah dan memuji Dia dengan penuh kesyukuran, kerana Tuhan yang Maha Kuasa menyertai kita. Dia adalah kubu kuat kita. AMIN.

Terima kasih kerana memakai panduan doa ini yang bermula sewaktu PKP bermula pada Mac 18, 2020. Pada hari ini, panduan doa tersebut terus mengalakkan umat Allah untuk terus berdoa tanpa henti, dalam kesyukuran dan doa syafaat, agar Kerajaan Allah ditubuhkan dan kehendak-Nya dilaksanakan pada waktu yang susah.

Anda dijemput untuk **P-R-A-Y**, iaitu, **\*Pause\*** (Berhenti sejenak) dan berdiam, **\*Rejoice\*** (Bersukacita) dengan Mazmur dan **\*Reflect\*** (Merenung) atas Alkitab. **\*Ask\*** (Minta) dalam doa syafaat agar Allah bekerja, dan **\*Yield\*** (Serahkan) kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.

## FOKUS BULAN INI

### Pandemik Covid-19

Doakan penularan virus dan varian baru akan berhenti

### Menemui Kristus

Doakan 5 orang untuk bertemu dengan Kristus, dan semoga kita berani menjadi pengutus Berita Baik Yesus Kristus.

### Berhenti untuk Memuji 7x Sehari

Menetapkan penggera kita dan mendisiplinkan diri untuk berhenti serta memuji Dia 7 kali sehari sehingga ia menjadi satu tabiat

**PAUSE BERDIAM, Diamkan diri secara sengaja** - Tarik nafas yang dalam, dan alu-alukan hadirat Roh Kudus.

**BACA DAN RENUNGAN** Mazmur 46

### DOA PERTAUBATAN

Bapa Syurgawi, kita menghadap Engkau dan bertaubat kerana sentiasa gagal berharap pada-Mu di tengah-tengah pandemik Covid-19 ini, di sebaliknya, kita sentiasa resah dan penuh dengan kerisauan. Ampuni kita kerana iman kita lemah. Lindungi hati kita daripada segala tekanan dan penuhi kita dengan kesejahteraan yang luarbiasa.

Ya Tuhan Allah, semoga mata kita tertuju kepada-Mu kerana Engkaulah satu-satunya harapan kita. Kita tahu bahawa Engkaulah penyelesaian kepada setiap kerisauan tentang waktu depan. Dalam belas kasihan-Mu, sila memenuhi segala keperluan kita. Hapuskan perasaan takut kita dengan hadirat-Mu yang kudus sewaktu kita mendekati Engkau dengan penuh kepercayaan. Lindungi hati kita daripada keresahan, kemarahan, ketidakpercayaan, dan jiwa yang dipenuhi dengki.

**Tenangkan hati kita untuk menikmati hadirat-Mu**, agar kita mengetahui bahawa Engkaulah yang Maha Kuasa atas segalanya. Ajarlah kita, ya Tuhan, untuk hidup dengan iman, dan bukan penglihatan. Dalam nama Tuhan Yesus Kristus kita yang berkuasa, AMIN.

### REJOICE PENYEMBAHAN

#### PUJIAN DAN KESYUKURAN


Bapa Syurgawi, pada hari ini, kita sebagai umat-Mu mengambil keputusan untuk memuji-Mu. Bersama-sama pemazmur, kita meninggikan nama-Mu, kerana Engkaulah Allah yang Maha Kuasa.

Bangsa-bangsa boleh berpakat dan kaum-kaum berkomplot, tetapi Engkau, Ya Allah, adalah Tuhan yang Maha Kuasa. Diberkatilah mereka yang berseru kepada Tuhan yang Maha Kuasa, kerana Engkaulah kubu kuat kita. Masa depan kita dijamin kerana Engkau berkuasa atas segala-galanya. Engkau yang setiap helai rambut yang ada di kepala kita, dan kita tahu bahawa Engkaulah yang memelihara kita.

Tuhan, nama-Mu ditinggikan. Sewaktu Engkau bersabda, setiap bangsa akan akur dan raja-raja akan bersujud menyembah-Mu. Ya Tuhan, betapa besar kuasanya nama-Mu. Engkaulah layak disembah, kerana sesiapa yang percaya pada-Mu tidak akan dikecewakan. Engkau menjaga kita senantiasa kerana Engkau tidak pernah lelah. Diberkati mereka yang berharap pada-Mu.

Di tengah-tengah pandemik ini, kita akan tetap memuji-Mu kerana Engkau yang layak menerima segala pujian oleh kerana nama-Mu yang besar. Kita berkumpul untuk memuji segala pekerjaan Tuhan! Dalam nama Yesus kita berdoa, AMIN.

**ASK BERMINTA** Pakailah perkataan diri sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – **dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan** (Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini).



LAGU CADANGAN:

#### KAMI PERLU KAU TUHAN

Kemanakah kami mencari  
Kasih sejati  
Kemanakah kami berseru  
Saat badai datang menderu

Yang kami tahu  
Hanya Kau yang mampu  
Pulihkan segala sesuatu

Kami perlukan keajaibanMu  
Kami butuhkan sentuhan  
tanganMu  
Kami tak dapat jalan sendiri  
Kami perlu Kau Tuhan

Pautan:

<https://youtu.be/6IRL7pGQ0KY>

## DOA SYAFAAT

### 1. PENYELAMATAN DARIPADA PANDEMIK

- a. **Kebijaksanaan dalam menangani pandemik.** Doakan agar pihak berkuasa akan mengemudikan Malaysia untuk mengatasi pandemik ini dengan selamat dan penuh bijaksana melalui PKP 3.0 yang dilaksanakan untuk menghentikan penularan Covid-19 memandangkan kemunculan varian dan mutasi virus baru. Kita bersyukur kerana keadaan semakin pulih walaupun jumlah jangkitan masih tinggi. Doakan agar Allah menunjukkan belas kasihan-Nya kepada kita dan memberhentikan wabak ini daripada penularan yang selanjutnya, menangani mutasi virus, dan memulihkan negara kita;
- b. **Ujian saringan yang berterusan, laporan konsisten serta bekalan yang mencukupi.** Doakan agar kerajaan negeri akan menyarankan ujian saringan secara besar-besaran, mengikut jejak kaki kerajaan negeri Selangor dan Sarawak, serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Doakan agar terdapat bekalan yang mencukupi dalam memerangi pandemik ini, terutamanya dari segi ujian saringan serta ketangkasan dalam memperolehi keputusan. Doakan agar ujian saringan akan berterusan supaya penularan di komuniti akan berhenti. Doakan agar jumlah ujian saringan akan meningkat supaya kita tahu keadaan penularan jangkitan Covid-19 yang sebenar;
- c. **Kuatkan Pekerja Baris Hadapan dan Sistem Kesihatan Awam.** Kita bersyukur kepada Allah untuk pekerja baris hadapan yang bertungkus-lumus selama ini. Terus doakan agar mereka dipelihara daripada keletihan dan jangkitan, memandangkan katil hospital swasta dan awam di seluruh negara dipenuhi dengan cepat. Memandangkan wad-wad baru didirikan untuk merawat lebih ramai pesakit lagi, doakan agar terdapat bekalan perubatan dan kakitangan yang mencukupi sentiasa, dari katil ke ubat dan oksigen. Doakan kebijaksanaan dan belas kasihan sewaktu mereka menguruskan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan segera yang semakin meningkat. Doakan agar lebih ramai lagi sukarelawan perubatan dan kemudahan perubatan swasta akan menolong;
- d. **Untuk pesakit dan yang dijangkiti.** Kita turut bersedih memandangkan kadar kematian yang melonjak serta kekurangan katil untuk mereka yang memerlukannya. Doakan pesakit di ICU bahawa mereka akan pulih. Doa untuk penyembuhan dan pertolongan, agar jasmani dan rohani pesakit diperkuatkan. Doakan agar penularan jangkitan akan dihentikan di seluruh negara. Ingati mereka yang sedang menderita akibat kesan Covid-19 yang berpanjangan agar mereka akan pulih dengan sepenuhnya;
- e. **Golongan yang paling mudah terjejas.** Mintalah Allah untuk melindungi golongan yang berusia serta mereka yang mempunyai penyakit kronik. Untuk mereka yang mengalami cabaran mental yang berasa sendirian, resah, dan tidak berupaya, kita berdoa agar Allah memberi mereka pertolongan yang sewajarnya;
- f. **Untuk sekolah, guru-guru, dan keluarga dengan anak muda di rumah.** Kita berterima kasih kepada Allah kerana kebanyakan sekolah telah tutup untuk menjamin keselamatan para guru dan pelajar di rumah. Doakan agar ibubapa serta ahli keluarga lain akan bekerjasama secara kreatif dalam penjagaan kanak-kanak. Untuk ibubapa tunggal supaya mereka mendapat sokongan yang secukupnya, serta gereja untuk menjaga kebajikan mereka;
- g. **Kejayaan melaksanakan Program Imunisasi.** Kita bersyukur kerana pelaksanaan program imunisasi semakin dipercepatkan. Kita berterima kasih kerana lebih ramai sukarelawan perubatan tampil ke hadapan untuk menolong. Doakan agar program imunisasi akan berjaya memandangkan jumlah pendaftaran semakin meningkat. Doakan agar rakyat akan menerima sebarang vaksin yang disediakan. Doakan supaya rakyat tidak akan ragu-ragu terhadap penerimaan vaksin;
- h. **Keadilan dalam pengagihan vaksin.** Doakan agar semua orang akan dilayan secara adil dalam program imunisasi ini, termasuk mereka yang bukan warganegara, pendatang, pelarian, yang miskin dan ditindas, serta orang yang berada di kawasan pedalaman. Kita juga bersyukur bahawa mereka yang tidak mempunyai tempat berteduh turut termasuk dalam program imunisasi. Doakan agar tiada yang menarik diri pada saat terakhir, mengakibatkan pembaziran. Doakan agar pihak berkuasa akan melayan golongan pendatang dan pelarian dengan adil dan saksama pada waktu yang genting ini dalam pengagihan vaksin – agar imuniti kelompok dapat dicapai secepat mungkin;
- i. **Berbelas kasihan dan berlaku adil.** Doakan pihak berkuasa akan berlaku adil dalam segala hal sewaktu menyaman mereka yang melanggar SOP tanpa membezakan antara yang kaya dan berkuasa dengan yang miskin dan biasa. Doakan agar mereka lebih prihatin terhadap isu-isu yang menyentuh keseimbangan ekonomi di tengah-tengah PKP, agar sektor perniagaan tidak akan keliru dan terjejas;

- j. Kelesuan memerangi pandemik.** Doakan agar pihak awam akan tetap mengikuti SOP untuk keselamatan awam dengan sepenuhnya, terutamanya penjarakan sosial pada musim perayaan. Doakan pihak awam akan sabar dan tetap bertanggungjawab walaupun sudah keletihan. Untuk golongan muda dan kuat, kita doakan agar Allah memberikan mereka daya penahanan dan kewaspadaan yang mencukupi supaya tidak memainkan peranan dalam penularan penyakit ini. Doakan agar mereka akan rela menolong dalam segala hal;
- k. Pemulihan sektor pekerjaan akibat pengangguran oleh kerana Covid-19.** Untuk golongan pekerja merentas pelbagai industri yang sedang menghadapi ancaman pengangguran serta kegawatan ekonomi sekali lagi, doakan agar Allah akan melegakan mereka daripada keresahan, serta gereja akan murah hati dalam menolong mereka. Doakan situasi pekerjaan akan pulih, serta perlindungan daripada tekanan dan perasaan putus harapan, dan para majikan akan memberi pertolongan yang wajar kepada pekerja yang terejas, termasuk mereka yang kais pagi, makan pagi, serta pekerja asing. Doakan pemilik perniagaan akan sentiasa berjaga-jaga untuk mengelakkan penularan virus di tempat kerja;
- l. Para mubaligh yang melayan di negara yang mempunyai kadar jangkitan yang tinggi.** Semoga Allah memberi mereka kata-kata yang penuh hikmat dan harapan, serta mengurapi mereka dengan keyakinan serta perlindungan sewaktu mereka mengasihi dan melayan orang di sekeliling tanpa berasa takut mahupun resah. Doakan agar gereja yang mengutuskan para mubaligh ini akan terus memberi sokongan dan dorongan;
- m. Pengguna Media Sosial akan bijaksana.** Mintalah Allah untuk menyekat kita daripada menularkan sebarang maklumat salah yang menyebabkan orang lain menarik diri daripada menerima vaksin, menakutkan orang ramai, ataupun menawarkan hati orang lain. Semoga kita menjadi teladan yang baik sewaktu menggunakan media sosial sebagai jiran yang prihatin serta warganegara yang bertanggungjawab. Semoga kita mengelakkan sebarang keresahan, panik, dan segala fikiran negatif. Doakan agar semua orang akan melihat betapa pentingnya menerima vaksin tanpa memilih jenis vaksin dan memenuhi tanggungjawab kita untuk *"Saling Mengasihi Sesama Sendiri"*.
- n. Negara Asia lain yang dilandai varian-varian baru Covid-19.** Doakan negara-negara di Asia yang mengalami gelombang jangkitan varian yang baru seperti India, Nepal, Sri Lanka, Maldives, Thailand, Kemboja, Indonesia, Vietnam, Korea Selatan, Jepun, Singapura dan Taiwan. Doakan agar belas kasihan Allah akan menghentikan pandemik ini daripada kesan yang lebih teruk, terutamanya jika Sukan Olimpik diteruskan. Doakan agar kerajaan-kerajaan dapat bertindak dengan pantas secara bertanggungjawab. Doakan agar negara kaya lain yang mempunyai stok vaksin serta alat perubatan yang lebih akan berkongsi dengan negara lain yang miskin.

**12 TENGAH HARI BERHENTI-DAN-BERDOA**

Mari bangkitkan sejuta orang Kristian untuk doakan **Doa Baba Kami** pada **12 tengah hari** setiap hari agar negara ini dipulihkan. Doakan agar kebenaran, perbenaran, dan keadilan kerajaan Allah dapat dilihat di Malaysia. Marilah kita memasang penggera telefon kita pada pukul **12 tengah hari** untuk memuji dan mengejar hadirat-Nya.

**2. PEMULIHAN NEGARA**

- a. Penyucian suasana rohani.** Terus berdoa untuk menyucikan suasana rohani di Malaysia dalam nama Yesus yang berkuasa, kerana Dia adalah "matahari yang penuh perbenaran akan terbit dengan membawa kesembuhan pada sayapnya." Hanya Dia yang boleh mengatasi kuasa-kuasa jahat dan membawa terang, harapan dan kesejahteraan SHALOM kepada Malaysia. Doa agar Allah menewaskan setiap kejahatan dalam segala hal-ehwal politik yang rakus akan kuasa dan kekayaan, terutamanya mereka yang tamak kuasa dan ingin mencetuskan perasaan cemas dalam negara melalui bangas, agama, dan kerabat di-Raja serta mengancam kesihatan orang awam – dengan mengadakan pilihanraya umum untuk kepentingan diri sendiri;

**"TUJUH KALI SEHARI AKU MEMUJI-MU KERANA HUKUM-HUKUM-MU YANG BENAR."**

*Mazmur 119:164 AVB*

Pujian memulakan Tuhan. Semakin sibuk kita, semakin kita memerlukan Tuhan. Semakin kita perlu berhenti sejenak untuk berdoa dan memuji:

- Semakin kita perlu bersukacita sentiasa, berdoa tanpa henti dan bersyukur dalam segala keadaan.
- Untuk mengubah rutin harian kita untuk mendekatkan kita dengan Tuhan dan memulakan-Nya.
- Untuk membawa kehadiran Tuhan ke dalam situasi harian kita.
- Untuk menghadirkan suatu gaya hidup doa yang terasa seperti berirama dan menjadi kebiasaan seperti bernafas yang membawa kedamaian, menjaga hati dan fikiran kita di dalam Tuhan Yesus Kristus.

**PANGGILAN UNTUK BERTINDAK**

**24-7 DOA ASIA**  
DOA | MISI | KEREDILAN



- b. Sinarkan terang-Nya atas kegelapan di Malaysia.** Untuk membongkarkan segala motif tersembunyi, serta menyebabkan kuasa jahat lari lintang-pukang dalam nama Yesus yang berkuasa. Doa agar kuasa Kristus akan menghancurkan kuasa jahat di merata tempat, di kampung mahupun di bandar, serta menumbangkan sumber kuasa kebencian dan kejahatan di Malaysia;
- c. Keadaan ekonomi Kerajaan yang sedang tenat.** Jumlah simpanan wang Kerajaan Persekutuan semakin kurang, memandangkan RM40 billion telah diperuntukkan dalam usaha terkini memerangi pandemik ini. Doakan agar dasar strategik akan diimplementasi dengan berkesan untuk mengelakkan kebarangkalian krisis kewangan kebangsaan daripada berlaku; kita bersyukur kerana PM telah mengumumkan bahawa para menteri Kabinet dan timbalan menteri, serta penjawat awam, telah membuat sumbangan kepada tabung Covid-19 baru-baru ini.
- d. Mengatasi gejala rasuah dan politik kewangan.** Agar politik kewangan akan dibasmikan serta gejala rasuah dan penyelewengan wang kerajaan melalui pelbagai syarikat berkaitan dengan kerajaan akan berhenti selain daripada memanfaatkan negara dan semua *Rakyat*; **Doakan kepada Allah** untuk calon-calon yang amanah serta bijaksana akan bangkit untuk melayan rakyat dan bukan memperkayakan diri sendiri, serta memimpin negara ini dengan penuh amanah dan keikhlasan supaya kita sebagai sebuah negara akan menjadi cemerlang;
- e. Kebertanggungjawaban dan pentadbiran urus baik** Kebertanggungjawaban pada setiap lapisan Kerajaan, terutamanya bermula dari Perdana Menteri ke Kabinet hingga ke penjawat awam. Doakan IGP serta pasukan polis negara serta para Ahli Parlimen supaya meereka setia kepada pengundi-pengundi mereka tanpa mengambil kesempatan melompat dari satu parti ke parti yang lain. Doakan agar Parlimen dapat bersidang semula;
- f. Kecemerlangan dalam segala hal.** Doakan agar roh yang merosotkan sistem pendidikan, mengurangkan kadar produktiviti kebangsaan serta mengongkang minda rakyat diganti oleh semangat kecemerlangan, agar negara ini akan maju dan makmur, dan tiada satu pun suku, bangsa, dan agama yang ketinggalan.

### 3. GEREJA

- a. Seruan untuk melayan masyarakat** – Umat Kristian tidak harus berasa takut dijangkiti Covid-19 dan berhenti melayan, tetapi tampil ke depan dalam iman untuk membawa harapan sewaktu melayani masyarakat dengan penuh belas kasihan. Doakan agar umat Kristian akan mencontohi tokoh iman pada zaman gereja awal, di mana mereka melayani masyarakat dengan penuh kasih tanpa sebarang ketakutan akan kematian di tengah-tengah wabak dahulu;
- b. Seruan untuk sentiasa bersedia** Doakan kebijaksanaan di kalangan pemimpin dan pekerja gereja agar mereka sentiasa bersedia melayani di tengah-tengah masa yang tidak tentu ini, melihat bagaimana jumlah ahli gereja yang dijangkiti Covid-19 dan dimasukkan ke hospital semakin meningkat.

### 4. DOA UNTUK MEREKA YANG SESAT

- a. Doa-untuk-5.** Doakan 5 orang setiap hari, termasuk keluarga dan rakan-rakan, agar mereka mengenali Yesus Kristus dan kasih-Nya dan menerima penyelamatan. Tuliskan nama dan doakan mereka **SETIAP HARI** tanpa berputus asa;
- b. Kasih dan belas kasihan.** Doa supaya kita mempunyai kasih dan belas kasihan untuk mereka yang sesat. Semoga kita peka terhadap peluang untuk mendoakan orang yang tidak dikenali, bernubuat, dan membawa pemulihan serta kesembuhan, agar mereka sedar bahawa ini perjumpaan yang luarbiasa, dan mereka akan menerima penyelamatan setelah mendengar Berita Baik;
- c. Peluang untuk berkongsi.** Doakan agar Roh Kudus memberi anda peluang untuk menyebarkan Injil kepada sesiapa yang bersedia menerimanya. Doa agar kita tidak akan malu oleh kerana Kristus, tetapi bersedia untuk mengisytiharkan

AKU BERKATA KEPADAMU BAHAWA BEGITU JUGALAH  
KEGEMBIRAAN DI SYURGA KERANA SEORANG YANG  
BERDOSA BERTAUBAT LEBIH DARIPADA KEGEMBIRAAN  
KE ATAS SEMBILAN PULUH SEMBILAN ORANG YANG  
BENAR YANG TIDAK PERLU BERTAUBAT."

*lukas 15:7 AVB*



- Berdoalah untuk 5 orang setiap hari - rakan-rakan dan keluarga - agar mereka dapat menemui kasih Tuhan Yesus Kristus kita dan diselamatkan. [Ikat 5 simpul pada seutas tali, atau ikat 5 biji manik dalam seutas tali atau gelang dan pakailah untuk mengingatkan anda supaya mendoakan mereka setiap hari.]
- Berdoalah agar lebih ramai pekerja dihantar ke ladang menuai. "Kata Yesus kepada murid-murid-Nya, "Tuaian banyak sekali tetapi penuai hanya segelintir. Berdoalah dengan bersungguh-sungguh kepada tuan yang empunya tuaian itu supaya menghantar pekerja untuk menuai." - Matius 9: 37-38 AVB

Dia pada setiap waktu, dan dipakai sebagai bejana Allah untuk memberkati ramai orang, kerana alangkah indahnya melihat kaki mereka yang membawa Berita Baik! Mintalah kekuatan dan keberanian daripada Allah dalam melakukan demikian walaupun kita tidak berasa selesa.

- d. Berhadapan dengan Urusan yang belum selesai.** Sebagai murid Kristus, Tuhan Yesus Kristus kita telah memberi kepada kita amanat-Nya agar kita menjadi saksi-Nya ke seluruh dunia, dan telah memperkasakan kita dengan Roh Kudus-Nya pada Hari Pentakosta untuk melengkapkan urusan ini. Pada hari ini, marilah kita berdoa agar Dia akan tolong kita menumpukan fokus kerana urusan kita masih belum selesai. Tuhan kita telah mengurniakan kita dengan kuasa dan buah Roh Kudus-Nya. Yakni, marilah kita berdoa agar kita dipakai mengikut kehendak-Nya dalam hal pelayanan dan kesaksian.

**5. DOA SPONTAN**

*Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebaskan hati anda sekarang.*

**YIELD MENYERAH DIRI**

*Marilah serahkan jiwa kita dengan sepenuh hati kepada kehendak Bapa Syurgawi, agar di mana kita ditempatkan, kita akan menjadi berkat kepada setiap jiwa.*

**DOA PENUTUP MENYATAKAN DATANGNYA KERAJAAN-NYA – DOA BAPA KAMI *Matius 6:9-13* <sup>AVB</sup>**

*“Ya Bapa kami yang di syurga, sucilah nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu. Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga. Berilah kami makanan untuk hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat. Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN.”*

**NYATAKAN *Yohanes 14:27* <sup>AVB</sup> dan *Yohanes 20:21* <sup>AVB</sup> BERSAMA-SAMA**

*“Sejahtera Kutinggalkan bagimu. Sejahtera-Ku sendiri Kuberikan kepadamu. Apa yang Kuberikan kepadamu bukan seperti yang disogokkan oleh dunia. Janganlah resah hatimu dan janganlah takut.” Yesus berkata lagi kepada mereka, “Damai sejahtera kepada kamu! Sebagaimana Bapa mengutus-Ku, begitulah Aku mengutusmu.”*

**BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA**, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

**CADANGAN LAGU PENUTUP:  
KUPERCAYA JANJIMU**

1. Saat kuhancur hati kudatang padaMu  
Kau beri kekuatan dan b'ri penghiburan  
Saat tak seorangpun dapat kuandalkan  
Kau yang memberi jalan, Kau yang menuntunku
2. Saat ku tak mengerti dalam hidupku ini  
Namun firmanMu selalu menerangiku  
Engkau yang buatku kuat lewati semua  
Engkau pertolonganku tempat harapanku

Reff.  
Tuhan...kupercaya janjiMu dalam hidupku  
Kau b'ri kemenangan  
Tuhan...Kau selalu setia di dalam hidupku  
Kau berharga bagiku  
Kaulah jaminanku dalam hidupku

Akhir  
Kau berharga bagiku  
Kaulah jaminanku dalam hidupku  
Ku percaya janjiMu ya Tuhan

**Pautan:** [https://youtu.be/V\\_XelX-DTNs](https://youtu.be/V_XelX-DTNs)

**Latihan Tekun Berdoa:**

Aturkan jadual harian untuk berdoa syafaat sepanjang minggu ini. Latihkan diri untuk mendisiplinkan diri dalam doa. Lihatlah bagaimana Tuhan bekerja oleh kerana kesetiaanmu!

CADANGAN JADUAL HARIAN UNTUK BERDOA SYAFAAT						
	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
<b>Pagi</b>	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid
<b>Tengah hari</b>	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat
<b>Petang</b>	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial
<b>Malam</b>	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa